



**TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN**  
**AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]**

**P.U. (A) 183/82**  
**PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (MINYAK**  
**SAWIT MENTAH) (PINDAAN) 1982**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

17 Jun 1982  
1 Julai 1982

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

[Mukadimah.](#)

- Peraturan 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)  
Peraturan 2. [Pindaan bagi peraturan 12.](#)  
Peraturan 3. [Pindaan bagi Jadual Kedua.](#)

## **Mukadimah.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

### **Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) (Pindaan) 1982** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1982.

### **Peraturan 2. Pindaan bagi peraturan 12.**

Peraturan 12(3) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 [P.U. (A) 342/77] (yang mana dalam Peraturan-Peraturan ini disebut Peraturan-Peraturan ibu) adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

"(3) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan pada atau selepas 1hb Julai 1979 dan tiap-tiap lesen yang dikeluarkan sebelum tetapi tamat selepas tarikh tersebut hendaklah mengandungi satu syarat atau syarat-syarat menghadkan parameter-parameter bagi effluen yang akan dilepaskan dari premis yang ditetapkan pada atau selepas tarikh tersebut dan had-had bagi tiap-tiap tempoh yang berkenaan hendaklah biasanya sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruang ketiga, keempat, kelima, keenam dan ketujuh dalam Jadual Kedua."

### **Peraturan 3. Pindaan bagi Jadual Kedua.**

Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

"JADUAL KEDUA

(Peraturan 12(2) dan (3))

HAD-HAD PARAMETER BAGI PELEPASAN EFFLUEN KE DALAM ALURAIR

<i>Parameter-parameter</i>	<i>Had-had Mengikut Tempoh Pelepasan</i>					
	<i>1-7-1978-30-6-1979</i>	<i>1-7-1979-30-6-1980</i>	<i>1-7-1980-30-6-1981</i>	<i>1-7-1981-30-6-1982</i>	<i>1-7-1982-31-12-1983</i>	<i>1-1-1984 dan seterusnya</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>	<i>(4)</i>	<i>(5)</i>	<i>(6)</i>	<i>(7)</i>
Oksigen Biokimia yang diperlukan (B.O.D.) 3 hari, 30C; mg/1	5,000	2,000	1,000	500	250	100
Oksigen Kimia yang diperlukan (C.O.D.); mg/1	10,000	4,000	2,000	1,000	-	-
Jumlah Pepejal; mg/1	4,000	2,500	2,000	1,500	-	-
Pepejal Terampai; mg/1	1,200	800	600	400	400	400
Minyak dan Geris; mg/1	150	100	75	50	50	50
Ammoniakal-Nitrogen; mg/1	25	15	15	10	150*	150*
Jumlah Nitrogen; mg/1	200	100	75	50	300*	200*
pH	5.0 - 9.0	5.0 - 9.0	5.0 - 9.0	5.0 - 9.0	5.0 - 9.0	5.0 - 9.0
Suhu °C	45	45	45	45	45	45

\* Nilai contoh yang ditapis

Diperbuat pada 28hb Mei 1982.

[KST & AS 4262 Sulit 1005/Jld. II; PN. (PU<sup>2</sup>) 280/1.]

DATUK AMAR STEPHEN K. T. YONG,  
*Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar*

**Copyrights Reserved** □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD